

20 NOV 1999

SANUSI LANCAR KARNIVAL LANGKAWI DENGAN PENUH GILANG GEMILANG

LANGKAWI, 20 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sansui Junid malam ini melancarkan Karnival Langkawi sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '99) yang penuh dengan acara gilang gemilang.

Sebaik Sanusi memukul gong sebanyak tiga kali menandakan pelancarannya, pancutan bunga api pelbagai bentuk dipancarkan ke ruang udara di sekitar Dataran Lang disambut dengan tepukan gemuruh lebih 2,000 orang yang menghadiri majlis itu.

Ini diikuti dengan persembahan kesenian dan kebudayaan dan nyanyian oleh kumpulan Rabbani.

Sebanyak 220 acara menarik disediakan dalam karnival itu untuk membabitkan penyertaan orang ramai bagi mewujudkan suasana yang lebih ceria sebelum dan semasa LIMA '99.

Karnival, hasil cetusan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, akan diadakan di tujuh lokasi sekitar Kuah dan tempat tumpuan pelancong di sini sehingga 5 Dis depan dengan kerjasama pelbagai jabatan kerajaan dan swasta.

Antara acara itu termasuk pertunjukan bunga api, pesta coklat, persembahan kebudayaan dan kesenian dari pelbagai negeri, pertunjukan tatu oleh Angkatan tentera dan pertunjukan ular berbisa.

-- BERNAMA

NH zb